

## MAJLIS PERASMIAN LAMAN MIRACLE GARDEN



Serdang, 7 Ogos – Jabatan Pertanian merupakan peneraju bagi Laman Agro-Food Florikultur sempena MAHA 2022 yang berkonsepkan *Miracle Garden* yang menonjolkan keindahan landskap pelbagai jenis kombinasi bunga-bunga yang unik bersama tanaman *edible* menyegarkan dengan aspek pertanian pintar untuk dinikmati oleh para pengunjung.

Laman yang berkeluasan 0.6 hektar ini dipenuhi dengan 15,000 pokok bunga yang terdiri daripada pelbagai genus dan spesies yang mempunyai karakter dan morfologi yang estetik dan eksotik. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan pelancaran laman ini dengan kehadiran beberapa tetamu kehormat.